A

DELTA DESIGN DÉCOR LLC lwn. PEMBINAAN SPK SDN BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
HAS ZANAH MEHAT H
[GUAMAN NO: 24NCC-207-06-2014]
20 JANUARI 2015

B

PROSEDUR SIVIL: *Penghakiman – Penguatkuasaan penghakiman – Penghakiman bersaling – Kontrak pembinaan – Tuntutan bagi bayaran tertunggak di Mahkamah Emiriah Arab Bersatu ('EAB') – Penghakiman diperolehi tetapi tidak boleh dilaksanakan kerana pihak satu lagi tidak berada di EAB – Penguatkuasaan penghakiman EAB di Malaysia – EAB tidak tersenarai dalam senarai mahkamah luar negara bawah Jadual Pertama Akta Penguatkuasaan Penghakiman Bersaling 1958 – Tindakan dimulakan melalui saman pemula – Sama ada prosedur teratur – Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, A. 67*

C

D

Plaintif, sebuah syarikat usahasama antara syarikat Amerika dan Emiriah Arab Bersatu ('EAB') telah dilantik menjadi subkontraktor untuk menjalankan kerja-kerja pembinaan oleh defendan, sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia. Setelah beberapa bayaran berperingkat dibuat kepada plaintif, defendan cuai dalam membuat bayaran tunggakan. Akibatnya, plaintif telah menuntut bayaran tertunggak tersebut di mahkamah

E

EAB dan berjaya memperolehi jumlah penghakiman sebanyak AED4,802,056.81 bersamaan dengan RM4,293,480.69 berserta faedah dan kos ('penghakiman EAB'). Namun begitu, penghakiman EAB tidak dapat dilaksanakan kerana, antara lain, defendan tidak lagi berada di EAB. Plaintif memfailkan saman pemula ini untuk memasukkan penghakiman EAB. Isu

F

yang timbul untuk diputuskan oleh mahkamah adalah sama ada tindakan saman pemula berdasarkan penghakiman mahkamah luar negara yang tidak tersenarai dalam Jadual Pertama Akta Penguatkuasaan Penghakiman Bersaling 1958 ('Akta') adalah teratur. Defendan menghujahkan bahawa sekiranya plaintif bergantung kepada common law dengan memfailkan

G

tindakan di Malaysia untuk memperoleh penghakiman berdasarkan penghakiman EAB, plaintif sepatutnya memfailkan tindakan melalui writ dan bukan melalui saman pemula kerana banyak fakta yang dipertikaikan.

Diputuskan (membenarkan permohonan dengan kos):

H

(1) Prosedur yang diguna pakai oleh plaintif adalah teratur. Tindakan berdasarkan penghakiman melalui pemfailan tuntutan di Malaysia berasaskan penghakiman yang telah diperolehi di luar negara yang tidak dirangkumi oleh Jadual Pertama Akta boleh dibuat melalui saman pemula. Bagi penghakiman yang tertakluk kepada Akta, prosedur ini diperuntukkan di bawah A. 67 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. Oleh

I

itu, sewajarnya bahawa prosedur yang sama diguna pakai dalam kes ini iaitu melalui saman pemula. (perenggan 15)

(2) Plaintif boleh memfailkan melalui saman pemula kerana ia tidak melibatkan isu fakta seperti yang didakwa oleh defendan. Tidak ada perkara yang dipertikaikan di sini kerana defendan tidak mempertikaikan kewujudan penghakiman EAB yang diperolehi oleh plaintif terhadap defendan. Defendan juga tidak memfailkan sebarang rayuan di mahkamah EAB walaupun boleh berbuat demikian sekiranya defendan tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah EAB. Tambahan lagi, defendan gagal menunjukkan bahawa penghakiman EAB tidak boleh dikuatkuasakan kerana (i) mahkamah EAB tidak mempunyai bidang kuasa; (ii) penghakiman EAB telah diperolehi secara penipuan; (iii) penghakiman EAB bertentangan dengan polisi awam; dan (iv) prosiding di mana penghakiman diperolehi bertentangan dengan keadilan asasi. (perenggan 16, 20 & 21)

Kes-kes yang dirujuk:
Bank of New Zealand v. Wong Kee Tat [1990] 1 LNS 31 HC ***(dirujuk)***
Malayan Banking Bhd v. Ng Man Heng [2005] 1 CLJ 833 HC ***(dirujuk)***
See Hua Daily News Bhd v. Tan Thien Chin & Ors [1985] 1 LNS 131 ***(dirujuk)***
Syarikat Telekom Malaysia Bhd v. Business Chinese Directory Sdn Bhd [1994] 2 CLJ 729 SC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Reciprocal Enforcement of Judgments Act 1958, ss. 4, 5, 7, 11
Rules of Court 2012, O. 67, O. 92 r. 1(1)

Bagi pihak plaintif - Samir Zainal (Muhammad Fairuz bersamanya); T/n Radzlan, Low & Partners
Bagi pihak defendan - Fadiah Nadwa Fikri; T/n Kesavan

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Has Zanah Mehat H:

Pengenalan

[1] Plaintif telah memfailkan saman pemula untuk memasukkan penghakiman terhadap defendan berdasarkan satu penghakiman yang telah diperolehi oleh plaintif terhadap defendan di mahkamah Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu (EAB) pada 12 Mac 2014 untuk:

(a) jumlah penghakiman AED4,802,056.81 bersamaan RM4,293,480.69;

(b) faedah pada kadar 5% setahun di atas jumlah penghakiman dari tarikh pemfailan pada 30 April 2012 sehingga tarikh penyelesaian; dan

(c) kos;

[2] Berdasarkan bantahan peguam defendan terhadap penghakiman dalam bahasa Arab yang diterjemah ke dalam Bahasa Inggeris tetapi tidak diterjemah ke dalam bahasa kebangsaan, plaintif telah mengemukakan

A salinan penghakiman yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa kebangsaan melalui afidavit lampiran 10 bagi mematuhi A. 92 k. 1(1) Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 dan juga sebagaimana diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Syarikat Telekom Malaysia Bhd v. Business Chinese Directory Sdn Bhd* [1994] 2 CLJ 729; [1994] 2 MLJ 420 di ms. 423 perenggan
B E.

Latar Belakang Fakta

(3) Plaintif adalah syarikat usahasama antara syarikat Amerika dan EAB. Defendan pula merupakan syarikat yang ditubuhkan di Malaysia dan
C dibenarkan menubuhkan cawangan di EAB. Kedua-dua syarikat telah diluluskan lesen untuk menjalankan perniagaan di EAB. Plaintif merupakan kontraktor yang pakar dalam kerja-kerja berkaitan siling, pembahagi, dan mengecat bangunan. Defendan pula adalah sebuah syarikat menjalankan kerja-kerja pembinaan.

D **[4]** Plaintif telah dilantik oleh defendan sebagai subkontraktor bagi menjalankan kerja-kerja pembinaan melalui empat surat award ("kontrak-kontrak tersebut") seperti berikut:

(a) to supply and to install suspended ceiling finishes for the construction of a commercial and recreational development on Al
E Reem Island, UAE for a total sum of AED5,618,508.60 ("Kontrak Al Reem");

(b) for the supply and application of painting works for the development of Al Falah Community Project in Abu Dhabi, UAE for a total sum AED15,430,000.00 ("Kontrak Mengecat Komuniti Al Falah");

F (c) for the supply and installation of ceiling works for the development of Al Falah Community Project in Abu Dhabi, UAE for a total sum AED4,963,854 ("Kontrak Memasang Siling Komuniti Al Falah"); dan

(d) for the supply and installation of internal wall finishes and ceiling
G finishes works for the development of Al Raha Gardens community retail centre project in Abu Dhabi, UAE ("Kontrak Al Raha").

[5] Plaintif telah melaksanakan tanggungjawab mereka sepertimana yang diperuntukkan dalam kontrak-kontrak tersebut. Walau bagaimanapun, setelah plaintif menerima beberapa bayaran berperingkat defendan telah
H gagal membayar sepenuhnya seperti berikut-

(a) Kontrak Al Reem masih tertunggak sebanyak AED1,704,429.82;

(b) Kontrak Mengecat Komuniti Al Falah tertunggak sebanyak AED422,642.97;

I (c) Kontrak Memasang Siling Komuniti Al Falah tertunggak sebanyak AED2,712,332.17; dan

(d) Kontrak Al Raha tertunggak sebanyak AED22,952.16;

[6] Plaintif telah melaksanakan kesemua tanggungjawab mereka dan telah menyerahkan semua projek-perojek tersebut kepada defendan seperti mana yang diperuntukkan dalam kontrak-kontrak tersebut. Namun begitu, mengikut dakwaan plaintif, defendan telah cuai dalam membuat pembayaran apabila mereka gagal untuk membayar tunggakan bayaran tersebut.

[7] Akibatnya, plaintif telah memulakan satu tindakan guaman terhadap defendan bagi mendapatkan bayaran tunggakan tersebut. Pada 12 March 2014, plaintif telah memperolehi penghakiman selepas perbicaraan terhadap defendan bagi jumlah AED4,802,056.81 bersama kos AED30,000. Kedua-dua plaintif dan defendan telah hadir dalam perbicaraan tersebut. Mahkamah telah melantik saksi pakar untuk menilai kerja-kerja yang dilakukan oleh plaintif.

[8] Selesai perbicaraan, plaintif telah memperolehi penghakiman tetapi plaintif tidak dapat melaksanakan penghakiman tersebut atas sebab-sebab berikut:

(i) defendan tidak lagi berada di EAB;

(ii) defendan tidak memperbaharui sewaan pejabat mereka di EAB; dan

(iii) defendan tidak mempunyai aset di EAB.

[9] Melalui eks. P12 dalam afidavit plaintif di lampiran 6, telah dikemukakan oleh plaintif sijil perakuan tiada rayuan oleh defendan terhadap penghakiman tersebut di mahkamah EAB.

Kes Defendan

[10] Kes defendan adalah:

(i) plaintif telah gagal untuk menyiapkan kerja-kerja mengecat di Al Falah sehingga menyebabkan defendan terpaksa melantik 11 kontraktor yang baru untuk menyiapkan kerja-kerja tersebut;

(ii) plaintif telah gagal untuk menyerahkan salinan asal dokumen-dokumen bagi tujuan penilaian kerja-kerja plaintif kepada mahkamah dan kepada pakar yang dilantik mahkamah. Kegagalan plaintif ini menyebabkan mahkamah membenarkan bukti yang dikemukakan oleh pakar tersebut walaupun dalam ketiadaan dokumen asal dan seterusnya menolak tuntutan balas defendan dan membenarkan tuntutan plaintif;

(iii) Oleh kerana EAB adalah negeri yang tidak tersenarai dalam Jadual kepada Akta Penguatkuasaan Penghakiman Bersaling 1958 (Akta 99) plaintif tidak boleh memohon untuk mendaftarkan penghakiman mahkamah EAB di Malaysia di bawah s. 4 Akta 99. Sekiranya plaintif bergantung kepada common law dengan memfailkan tindakan di Malaysia untuk memperoleh penghakiman berdasarkan penghakiman di EAB tersebut, plaintif sepatutnya memfailkan tindakan melalui writ dan

bukan melalui saman pemula kerana banyak fakta yang dipertikaikan. Oleh itu, dengan memfailkan saman pemula, berlaku kesilapan prosedur yang memprejudiskan defendan.

Isu

[11] Saya berpendapat hanya satu isu yang perlu diputuskan iaitu sama ada tindakan melalui saman pemula berdasarkan penghakiman (action on judgment) mahkamah luar negara yang tidak disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta 99 adalah teratur.

Hujahan Defendan

[12] Peguam defendan yang bijaksana melalui hujahan bertulisnya menyatakan walaupun plaintif boleh memfailkan saman pemula untuk menguatkuasakan penghakiman tersebut tetapi oleh kerana kes ini melibatkan fakta yang dipertikaikan berkaitan dengan keterangan-keterangan yang dikemukakan di mahkamah EAB, plaintif perlu memfailkan writ untuk menyelesaikan isu-isu yang dipertikaikan.

Undang-undang

[13] Berdasarkan Akta 99, penguatkuasaan penghakiman negara asing di Malaysia boleh dilaksanakan dengan membuat pendaftaran di bawah s. 4 Akta 99. Manakala s. 7 pula memperuntukkan bahawa penghakiman negara asing tidak boleh dikuatkuasakan jika tidak didaftarkan di bawah Akta 99. Prosedur pendaftaran pula diperuntukkan dalam A. 67 Kaedah Mahkamah 2012 yang diperuntukkan berdasarkan s. 11 Akta 99 iaitu dengan membuat permohonan melalui saman pemula dengan disokong oleh afidavit. Walau bagaimanapun, peruntukan ini hanya boleh diguna pakai bagi penghakiman yang diperolehi oleh mahkamah atasan di negara-negara yang tersenarai dalam Jadual Pertama sahaja.

[14] Berkenaan dengan penguatkuasaan penghakiman yang diperolehi dari mahkamah atasan di luar negara yang tidak disenaraikan dalam jadual pertama, mahkamah di Malaysia boleh mengiktiraf penghakiman tersebut berdasarkan prosedur common law. Keadaan ini diiktiraf oleh Mahkamah Agong dalam kes *See Hua Daily News Bhd v. Tan Thien Chin & Ors* [1985] 1 LNS 131 yang menyatakan seperti berikut:

> The Reciprocal Enforcement of Judgments Act 1958 (Revised 1972) as in the case of the United Kingdom Foreign Judgments (Reciprocal Enforcement) Act 1933, does not greatly depart from the common law rules, and its main advantage is procedural. In providing for direct execution of foreign judgments, it obviates the necessity of first obtaining a local judgment with the attendant requirement of establishing jurisdiction over the defendant as a pre-condition. Brunei is not included in the First Schedule to the Reciprocal Enforcement of Judgments Act 1958, and as such no Brunei judgments can be registered for enforcement

in this country. It is because of this difficulty that the respondents have to file an action on the judgment at common law in the High Court at Miri. In an action on the judgment at common law, one or more of the following defences may be raised (1) that the foreign court had no jurisdiction; (2) that the judgment was obtained by fraud; (3) that the judgment would be contrary to public policy, and (4) that the proceedings in which the judgment was obtained were opposed to natural justice. Similar defences are also available under section 5 Reciprocal Enforcement of Judgments Act 1958 for setting aside the Registration of a foreign judgment.

(penekanan ditambah)

Keputusan

[15] Dalam kes di hadapan mahkamah ini, plaintif telah memfailkan saman pemula. See *Hua Daily News Bhd supra* tidak menyatakan sama ada tindakan dimulakan melalui writ atau saman pemula tetapi apabila diteliti penghakiman dalam kes tersebut mendapati bahawa tindakan adalah melalui writ. Saya berpendapat bahawa tindakan berdasarkan penghakiman (action on judgment) melalui pemfailan tuntutan di Malaysia berasaskan kepada penghakiman yang telah diperolehi di luar negara yang tidak dirangkumi oleh Jadual Pertama Akta 99 boleh dibuat melalui saman pemula. Ini kerana, bagi penghakiman yang tertakluk kepada Akta 99, prosedur ini telah diperuntukkan di bawah A. 67 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012. Oleh itu, sewajarnya bagi kes-kes yang seperti di hadapan mahkamah ini, prosedur sama diguna pakai iaitu saman pemula. Oleh itu, prosedur yang digunakan oleh plaintif adalah teratur. Jika diteliti penghakiman *See Hua Daily News Bhd supra,* Mahkamah Agong juga menyenaraikan atau menerima pakai alasan yang sama seperti diperuntukkan dalam s. 5 Akta 99 sebagai alasan untuk tidak membenarkan penguatkuasaan penghakiman. Berdasarkan keputusan *See Hua Daily News Bhd supra,* nampaknya mahkamah menerima pakai peruntukan Akta 99 yang berkaitan. Oleh itu, adalah wajar dan konsisten jika prosedur dalam A. 67 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 juga di terima pakai.

[16] Saya berpendapat plaintif boleh memfailkan melalui saman pemula kerana ia tidak melibatkan isu fakta seperti yang didakwa oleh defendan. Tidak ada perkara yang dipertikaikan di sini kerana defendan tidak mempertikaikan kewujudan penghakiman mahkamah AEB yang diperolehi oleh plaintif terhadap defendan. Isu yang ditimbulkan oleh defendan ialah ketidakpuasan hati terhadap penghakiman yang telah diperolehi oleh plaintif kerana mendakwa plaintif gagal melaksanakan kerja-kerja yang dinyatakan dalam kontrak-kontrak tersebut dengan sempurna. Bukanlah bidang kuasa mahkamah ini untuk menyelak tabir penghakiman yang telah diperolehi oleh plaintif di EAB dan mengadilinya semula. Ini adalah undang-undang mantap seperti yang telah diputuskan dalam *Malayan Banking Bhd v. Ng Man Heng* [2005] 1 CLJ 833 di ms. 48-72 dan *Bank of New Zeland v. Wong Kee Tat* [1990] 1 LNS 31; [1990] 2 MLJ 435 di ms. 36-39.

[17] Dalam *Malayan Banking Bhd v. Ng Man Heng supra* di ms. 51 perenggan G sehingga I, mahkamah menyatakan seperti berikut:

> When is a judgment final and conclusive as between parties thereto? Halsbury's Laws of England (4th Edition) speaks of this requirement in the following manner:
>
> > The judgment which it is sought to enforce must finally and conclusively determine the rights and liabilities of the parties to it so as to be *res judicata* in the country where it has been pronounced (see *Nouvion v. Freeman* (1889) 15 App Cas I, HL; *Plummber v. Woodburne* (1825) 4 B & C 625; *Paul v. Roy* (1852) 15 Beav 433; *Patrick v. Shedden* (1853) 2 E & B 14].
> >
> > A judgment is not final and conclusive if the court which has pronounced it has power to rescind or vary it subsequently (see *Nouvion v. Freeman* (1889) 15 App Cas I, HL; *Re Macartney, Macfarlane v. Macartney* (1921) 1 Ch 522 at 531, 532; *Blohn v. Desser* (1962) 2 QB 116)
> >
> > In the factual matrix herein it cannot be disputed that the judgment which the judgment creditors seeks to register in this case is a summary judgment. Patently, it is a final and conclusive judgment since it conclusively determines the rights and liabilities of both parties and hence is *res judicata* in Singapore.

[18] Dalam kes di hadapan mahkamah ini, penghakiman yang diperolehi adalah selepas perbicaraan penuh dengan memanggil saksi pakar. Oleh itu, adalah tidak disangkal lagi bahawa penghakiman tersebut adalah teratur dan muktamad.

[19] Dalam kes *Bank of New Zeland v. Wong Kee Tat supra* menyatakan:

> The plaintiff's counsel argued and I agree with him, that if there had been any irregularity or non-confirmity of the rules of court, then the defendant ought to have gone to the original court to rectify the error, by applying to set aside the judgment in default of appearance.

[20] Dalam kes di hadapan mahkamah, defendan tidak memfailkan apa-apa rayuan di mahkamah EAB walaupun boleh berbuat demikian sekiranya defendan tidak berpuashati dengan keputusan mahkamah EAB.

[21] Selain daripada membangkitkan ketidakpatuhan prosedur, defendan gagal menunjukkan bahawa penghakiman tersebut tidak boleh dikuatkuasakan atas alasan seperti yang dinyatakan dalam penghakiman Mahkamah Agong *See Hua Daily News Bhd supra* iaitu:

(i) mahkamah EAB tidak mempunyai bidang kuasa;

(ii) penghakiman telah diperolehi secara fraud;

(iii) penghakiman adalah bertentangan dengan polisi awam; dan

(iv) prosiding di mana penghakiman diperolehi bertentangan dengan prinsip keadilan asasi (natural justice).

Kesimpulan

[22] Berdasarkan alasan yang dinyatakan di atas, saya membenarkan permohonan plaintif seperti berikut:

(a) penghakiman seperti jumlah yang dituntut dalam permohonan dalam tukaran asing berasaskan kadar Bank Negara pada tarikh penghakiman (13 October 2014);

(b) kadar faedah 5% seperti yang dipohon atas jumlah di (a) di atas dari 30 April 2012 sehingga penyelesaian penuh; dan

(c) kos sebanyak RM12,000.

Kos

[23] Pihak-pihak telah diminta berhujah mengenai kos. Peguam defendan telah memohon kos sebanyak RM50,000 manakala peguam plaintif pula mencadangkan RM10,000. Setelah mendengar hujahan-hujahan kedua-dua pihak, saya telah membenarkan kos sebanyak RM12,000.